

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, January 9, 2020 9:38 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Biz@Suka Menanti Bangunkan Usahawan Di Kalangan B40



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

9 JANUARI 2020 / 13 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: SBM

BIZ@SUKA MENANTI BANGUNKAN USAHAWAN DI KALANGAN B40



UUM ONLINE: Biz@Suka Menanti menjadi program perintis dalam membantu komuniti B40 keluar dari masalah kemiskinan bandar dengan berniaga.

Inisiatif ini hasil jalinan kerjasama antara pensyarah dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) UUM dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Suka Menanti, Dato' Zamri Yusuf.

Zamri berkata, usaha ini untuk meningkatkan ekonomi penduduk melalui keusahawanan untuk membantu 43 peserta yang terdiri daripada golongan miskin bandar yang menjalankan

perniagaan kecil-kecilan termasuk diberi kelengkapan bagi memperkukuhkan perniagaan masing-masing.

“Mereka dipilih daripada 200 peserta dari fasa 1 selama 8 bulan untuk menyertai program Biz@Suka Menanti.

“Pemilihan ini berdasarkan minat dan sikap daya saing dalam memajukan perniagaan kecil mereka yang dibantu melalui bantuan kelengkapan perniagaan,” katanya selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan Biz@SukaMenanti, Segenggam Harapan, Segunung Impian di Dewan Institut Pengurusan dan Integriti Negeri (INSPIN).

Jelasnya, melalui bantuan dari UUM pula, mereka yang terdiri daripada pensyarah keusahawanan akan turun padang untuk memberi motivasi, tunjuk ajar dan latihan kepada golongan berkenaan supaya tahu bagaimana caranya untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka.

“Mereka ini memiliki potensi besar kerana masing-masing memiliki pengalaman mengendalikan perniagaan cuma perlu dicungkil potensi dan kemahuan untuk mengembangkan perniagaan agar lebih berdaya maju pada masa akan datang,” kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Suka Menanti.

Sementara itu, Pengarah Projek, Prof Madya Dr. Norashidah berkata, program berstruktur 4 fasa ini telah diteliti dan diperhalusi oleh 11 pensyarah keusahawanan yang dipimpin oleh Prof Madya Dr. Azahari Ramli sebagai ketua perunding.

Program keusahawanan ini merupakan salah satu usaha mendokong Dasar Keusahawanan Negara (KDN 2030) dengan mewujudkan program kolaborasi di antara kerajaan negeri, institusi pendidikan tinggi, industri luar dan komuniti B40 dalam membantu komuniti B40 meningkatkan ekonomi mereka

“Pada mulanya kita buat saringan bagi mengenal pasti potensi peserta sebelum memberi bimbingan dari sudut pengetahuan perniagaan seterusnya pihak UUM turun padang mendekati peserta untuk mengenal pasti barangan keperluan diperlukan dan serahkan informasi tersebut kepada pihak ADUN untuk dipenuhi.

“Seterusnya apabila para peserta menerima barangan ini, kami akan kembali kepada mereka bagi melakukan pemantauan. Kami akan mengambil maklum perkembangan mereka supaya langkah seterusnya dapat diambil demi memastikan keadaan ekonomi peserta dapat diperkukuhkan,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.